



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### **KURSUS PENYIASATAN KEMALANGAN KAPALTERBANG (*AIRCRAFT ACCIDENT INVESTIGATION COURSE*) DI AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)**

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) dengan kerjasama Akademi Penerbangan Malaysia (MAVA) buat julung kalinya telah mengadakan Kursus Penyiasatan Kemalangan Kapal terbang (*Aircraft Accident Investigation Course*) bertempat di Akademi Penerbangan Malaysia, Sepang pada 26 April sehingga 7 Mei 2021, melibatkan pegawai-pegawai daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan turut disertai oleh seorang Timbalan Dekan daripada *University Kuala Lumpur – Malaysia Institute of Aviation Technology (UniKL-MIAT)*.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai peraturan, panduan, tatacara serta selok belok menjalankan penyiasatan kemalangan kapal terbang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran keselamatan penerbangan (*Aviation Safety Conscious*) ditambah pula dengan perkongsian pengalaman oleh penceramah-penceramah yang pernah dan sering terlibat dalam penyiasatan kemalangan kapal terbang di Malaysia. Tenaga pengajar kursus ini terdiri daripada enam (6) orang Pegawai Penyiasat daripada BSKU serta tujuh orang pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Setelah menamatkan kursus ini, para peserta diharapkan boleh menjalankan penyiasatan kemalangan kapalterbang, namun pegawai terbabit perlu bertugas di bawah penyeliaan *Investigator In-Charge* untuk pemantauan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**26 APRIL 2021**

**- TAMAT -**

---

<sup>1</sup> Sehingga bulan Disember 2020, sejumlah 4,297 kematian akibat kemalangan jalan raya telah direkodkan (rekod daripada PDRM), dengan purata 358 kematian sebulan. Namun, data tahun 2020 tidak sesuai digunakan akibat kesan pandemik Covid-19 kepada sistem pengangkutan darat negara. Susulan kepada pandemik tersebut, telah terdapat pengurangan kematian akibat kemalangan di jalan raya pada tahun 2020 akibat pengurangan bilangan kenderaan di atas jalan

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

